PP

lwn.

MUHAMMAD FAUZI ABDUL RAZAK & SATU LAGI

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP HMR
CLEMENT SKINNER HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-70-2010]
8 OGOS 2011

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rayuan - Sama ada hukuman penjara wajar berjalan serentak atau berturut-turut - Dua pertuduhan kesalahan membunuh - Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh mahkamah - Sama ada dua kesalahan berbeza atau berkaitan antara satu sama lain - Sama ada kekejaman dan keganasan yang keterlaluan diberi pertimbangan yang sewajarnya - Sama ada kepentingan awam diambil kira - Sama ada hukuman wajar berjalan berturut-turut*

Kedua-dua simati dalam kes ini telah dipukul, kononnya untuk membuang jin, semasa satu upacara pengubatan yang dilakukan oleh seorang yang bernama Ilyas bersama-sama dengan responden-responden, yang berakhir dengan kematian kedua-dua simati. Kedua-dua simati telah disepak, ditumbuk, ditendang dan dipukul dengan peralatan, antara lain, meja kayu, helmet dan botol kaca. Kedua-dua responden dan Ilyas pada asalnya dibicarakan atas dua pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama s. 34 Kanun. Walaubagaimanapun, di akhir kes pendakwaan, kedua-dua pertuduhan asal dipinda kepada s. 304(a) Kanun oleh Pesuruhjaya Kehakiman ('PK'). Di akhir kes pembelaan, Illyas didapati bersalah atas pertuduhan tersebut tetapi diperintah untuk dihantar ke Hospital Bahagia disebabkan oleh penyakit mentalnya di bawah ss. 347 dan 348 Kanun Tatacara Jenayah. Manakala, responden-responden disabitkan atas pertuduhan pindaan tersebut dan dijatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun bagi setiap pertuduhan dan hukuman tersebut diperintahkan berjalan serentak. Ini membangkitkan rayuan ini oleh pihak pendakwaan berkaitan dengan perintah hukuman penjara berjalan serentak atas alasan bahawa ia bertentangan dengan prinsip penghukuman yang sedia ada.

Diputuskan (mengenepikan perintah PK dan memerintahkan hukuman penjara sepuluh tahun bagi setiap pertuduhan pindaan berjalan berturut-turut dari tarikh penangkapan) Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hukuman penjara secara serentak hanya wajar sekiranya kedua-dua kesalahan itu mempunyai kaitan di antara satu sama lain, iaitu kesalahan kedua merupakan kesalahan subsidiari kepada kesalahan utama. Di dalam kes ini, kedua-dua responden didapati bersalah menyebabkan kematian dua orang mangsa yang berbeza di bawah s. 304(a) Kanun dan ini merupakan dua kesalahan jenayah yang berbeza. Kedua-dua pertuduhan pindaan tersebut, masing-masingnya merupakan kesalahan utama dan mana-mana satu daripadanya tidak boleh digolongkan atau dianggap sebagai kesalahan subsidiari. Oleh itu, hukuman penjara sepuluh tahun dari tarikh tangkap terhadap kedua-dua responden adalah wajar dan sesuai berjalan berturut-turut. (*Ooi Sim Yim v. PP;* dibezakan, *PP v. Yap Huat Heng;* diikuti, *Yit Kean Hong v. PP*; dirujuk). (perenggan 23 & 24)

(2) PK telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keadaan dan fakta kes yang jelas melibatkan elemen kekejaman dan keganasan yang keterlaluan yang mewajarkan suatu hukuman yang setimpal. Tambahan, tuntutan kepentingan awam semestinya memerlukan suatu pertimbangan yang lebih wajar. Mengambil kira kesemua faktor, didapati bahawa jumlah keseluruhan kedua-dua hukuman penjara iaitu 20 tahun tidaklah keterlaluan dan adalah wajar dan bersesuaian dengan keadaan dan fakta di dalam kes ini. (perenggan 28)

English *Translation Of Headnotes*

Both the deceased in this case were beaten up, allegedly to exorcise the demon, during a healing ritual conducted by one Ilyas together with the respondents, which ended with the death of both the deceased. Both the deceased were slapped, punched, kicked and beaten with *inter alia* wooden table, helmet and glass bottles. Both respondents and Ilyas were originally tried on two charges under s. 302 of the Penal Code ('the Code') read together with s. 34 of the Code. However, at the end of the prosecution's case, both the original charges were amended to one under s. 304(a) of the Code by the Judicial Commissioner ('JC').

At the end of the defence case, Ilyas was found guilty of the charge but was however ordered to be sent to Hospital Bahagia due to his mental illness pursuant to ss. 347 and 348 of the Criminal Procedure Code. Whereas, the respondents were convicted on the amended charge and were sentenced to ten years' imprisonment for each charge with the sentences ordered to run concurrently. Hence this appeal by the prosecution pertaining to the order that the sentences of imprisonment to run concurrently, on the grounds that it was against the existing principles of sentencing.

Held (dismissing the JC's order and ordering that the sentence of ten years' imprisonment for each amended charge to run consecutively from the date of arrest)
Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) The concurrent sentence of imprisonment is appropriate only if both the offences have connection with one another, *ie*, the second offence is a subsidiary to the main offence. In this case, both the respondents were found guilty for causing the death of two different victims under s. 304(a) of the Code and these were two different offences. Both the amended charges constituted main offences and any one of it could not be classified or assumed as a subsidiary offence. Therefore, the imprisonment term of ten years from the date of arrest against both the respondents should appropriately be ordered to run consecutively. (*Ooi Sim Yim v. PP;* dist, *PP v. Yap Huat Heng;* foll, *Yit Kean Hong v. PP;* refd).

(2) The JC had failed to give sufficient consideration to the circumstances and the facts of the case which clearly involved elements of excessive violence and brutality which warranted appropriate sentence. Further, the demand of public interest necessarily required a more reasonable consideration. Taking into account all the factors, the total duration of both the sentences of imprisonment, *ie,* 20 years were not excessive and were appropriate and suitable in the circumstances and facts of this case.

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Ooi Sim Yim v. PP [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ (Rep) 223 SC ***(dibezakan)***
PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC ***(diikuti)***
B *PP v. Teo Heng Chye [1990] 1 CLJ 194; [1990] 3 CLJ (Rep) 904 HC* ***(dirujuk)***
Yit Kean Hong v. PP [2005] 4 CLJ 592 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 347, 348
C Penal Code, ss. 34, 302, 304(a)

Bagi pihak perayu - Kwan Li Sa TPR
Bagi pihak responden - Supramaniam Kasia Pillai (Geetha Supramaniam bersamanya); T/n Supramaniam & Sivashanmugam

D *Dilaporkan oleh S Barathi*

PENGHAKIMAN

E **Azahar Mohamed HMR:**

[1] Ini adalah rayuan pendakwa raya terhadap perintah hukuman yang dibuat oleh Yang Arif pesuruhjaya kehakiman, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Januari 2010.

F **[2]** Muhammad Fauzi bin Abdul Razak (responden pertama) dan Muhammad Nizam bin Mohd Ibrahim (responden kedua) dan seorang lagi yang bernama Muhammad Ilyas bin Abdul Razak (Ilyas) pada asalnya telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi dua pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan
G (KK) dan dibaca bersama dengan s. 34 Kanun yang sama.

[3] Ketiga-tiga mereka dituduh bersama-sama melakukan kesalahan-kesalahan membunuh Mohd Ibrahim bin Kader Mydin dan Rosina binti SM Mydin Pillay pada 1 Oktober 2008 antara jam
H 12 tengah hari hingga 8 malam di rumah No. 5-7C, Blok A Flat Seri Sarawak, Jalan Kenanga, Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur.

[4] Di akhir kes pendakwaan, Yang Arif pesuruhjaya kehakiman telah memerintahkan supaya kedua-dua pertuduhan asal terhadap
I ketiga-tiga mereka di bawah s. 302 KK dipinda ke s. 304(a) KK seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 1 Oktober 2008 jam 12.00 tengah hari hingga 8.00 malam, di sebuah rumah No. 5-7C, Blok A, Flat Seri Sarawak, Jalan Kenanga, dalam daerah Dang Wangi, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah dengan niat hendak menyebabkan kematian ke atas Mohd Ibrahim bin Kader Mydin, No. KP 611215-10-6383, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

Pertuduhan Pilihan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama pada 1 Oktober 2008 jam 12.00 tengah hari hingga 8.00 malam, di sebuah rumah No. 5-7C, Blok A, Flat Seri Sarawak, Jalan Kenanga, dalam daerah Dang Wangi, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah dengan niat hendak menyebabkan kematian ke atas Rosina binti SM Mydin Pillay, No. KP 670420-07-5678, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s.304(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

[5] Ketiga-tiga mereka tidak mengaku salah atas kedua-dua pertuduhan pindaan tersebut dan memilih untuk memberi keterangan tanpa sumpah dari kandang orang salah. Di akhir kes pembelaan, yang arif pesuruhjaya kehakiman mendapati Ilyas telah menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan sehingga mengakibatkan kematian kedua-dua si mati. Walau bagaimanapun, atas sebab penyakit mentalnya, yang arif pesuruhjaya kehakiman telah memerintahkan agar Ilyas ditempatkan di Hospital Bahagia selama tempoh yang diperkenan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejajar dengan peruntukan s. 347 dan s. 348 Kanun Tatacara Jenayah.

[6] Manakala bagi responden pertama dan responden kedua, yang arif pesuruhjaya kehakiman mendapati mereka berdua bersalah dan disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah s. 304(a) KK. Responden pertama dan responden kedua masing-masing telah dijatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun bagi setiap pertuduhan. Yang arif pesuruhjaya kehakiman memerintahkan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut diperintahkan berjalan secara serentak dan berkuatkuasa dari tarikh mereka ditangkap iaitu 1 Oktober 2008.

[7] Pendakwa Raya telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini mengenai hukuman terhadap kedua-dua responden tersebut.

Fakta Kes

[8] Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh yang arif pesuruhjaya kehakiman boleh diringkaskan seperti berikut. Kedua-dua si mati di dalam kes ini merupakan ibubapa responden kedua. Ilyas dan responden pertama adalah adik-beradik dan kedua-dua mereka merupakan sepupu kepada responden kedua.

[9] Tempat kejadian adalah di Flat Seri Sarawak iaitu rumah yang didiami oleh Abdul Razak bin Kadir Mydin (SP20) dan Saerah Banu binti Sultan (SP14) berserta empat orang anak mereka (Ilyas dan responden pertama merupakan anak mereka).

[10] Peristiwa pembunuhan ini berlaku pada 1 Oktober 2008 iaitu pada pagi Hari Raya Aidifitri. Keluarga kedua-dua responden telah berkumpul di rumah SP20 pada pagi itu. Suatu upacara pengubatan telah dijalankan oleh Ilyas dan responden-responden bertujuan untuk membuang jin dari tubuh badan kesemua ahli keluarga mereka yang berkumpul di situ. Ilyas ketika itu dipengaruhi kuat oleh ajaran Ashaari Muhammad, pengasas pertubuhan Al-Arqam.

[11] Lebih kurang seminggu sebelum pagi Hari Raya tersebut tersebut, ahli keluarga yang mendengar ceramah agama Ilyas di rumahnya telah dipukul dengan kayu penggaru di kepala mereka oleh Ilyas sehingga berdarah atas alasan untuk membuang jin dan membersihkan diri mereka. Kesemua mereka yang hadir pada masa yang berkenaan tidak melawan. SP20, yang merupakan ayah kepada Ilyas turut tidak melawan kerana beliau percaya telah berlaku peningkatan kerohanian terhadap anaknya dan beliau mempunyai kuasa untuk mengubati orang.

[12] Pada hari kejadian, upacara pengubatan yang dilakukan oleh Ilyas dengan bantuan kedua-dua responden adalah lebih besar. Semua ahli keluarga SP20 dan ahli keluarga si mati berkumpul di rumah SP20 untuk tujuan pengubatan tersebut. Responden pertama dan responden kedua, yang bertindak atas arahan Ilyas telah menyepak, menumbuk, menendang dan memukul SP20, SP21 (adik responden kedua), SP12 (kakak responden kedua), SP14 (ibu

responden pertama) dengan tangan dan kaki di dalam bilik. Akibat daripada perbuatan tersebut, kesemua mereka mengalami kecederaan yang teruk sehinggakan ada yang pengsan di tempat kejadian. A

[13] Upacara pengubatan seterusnya bersambung di ruang tamu melibatkan kedua-dua si mati, iaitu ibubapa responden kedua. Cara yang sama telah digunakan untuk membuang jin dan membersihkan diri kedua-dua si mati. Perbuatan memukul kedua-dua si mati ini telah dirakamkan oleh responden kedua dalam telefon bimbitnya. B

[14] Telefon bimbit responden kedua (eks. P25b) mengandungi suatu kad memori (eks. P25e), yang mana antara lain kandungannya adalah 17 video klip yang memaparkan adegan-adegan yang telah dilakukan oleh Ilyas dan kedua-dua responden di dalam upacara pengubatan tersebut yang berakhir dengan kematian kedua-dua si mati. C D

[15] Berdasarkan keterangan video klip tersebut berserta dengan keterangan-keterangan tidak bersumpah Ilyas dan kedua-dua responden, kedua-dua si mati telah disepak, ditumbuk, ditendang dan dipukul di tubuh badan mereka sebelum cuba dibangunkan semula dengan disiram air di penghujung upacara. Kepala kedua-dua si mati berlumuran dengan darah dan perbuatan memukul tersebut masih diteruskan walaupun kedua-dua si mati telah pun nazak. Beberapa peralatan seperti meja kayu, helmet dan botol kaca turut digunakan untuk memukul kedua-dua si mati. E F

[16] Dr Siew Sheue Feng (SP16) mengesahkan bahawa sebab kematian kedua-dua si mati adalah berpunca dari kecederaan di bahagian kepala akibat blunt force trauma. Menurut SP16 bahagian-bahagian tubuh badan kedua-dua si mati turut tercedera. G

Rayuan Pendakwa Raya

[17] Dalam petisyen rayuan, pendakwa raya telah mengemukakan dua alasan utama supaya mahkamah ini mengenepikan perintah hukuman-hukuman yang dibuat oleh Yang Arif pesuruhjaya kehakiman. H

[18] Pertama, yang arif pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana memerintahkan hukuman penjara sepuluh tahun bagi setiap satu pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua terhadap responden I

pertama dan responden kedua berjalan serentak sedangkan responden-responden telah menyebabkan kematian dua orang mangsa.

[19] Kedua, ketidakcukupan hukuman penjara, di mana Yang Arif pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada faktor kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman bagi setiap satu pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua terhadap responden-responden.

[20] Di hadapan kami, timbalan pendakwa raya (TPR), Puan Kwan Li Sa mengambil pendirian untuk hanya meneruskan dengan alasan pertama sahaja, iaitu tentang isu perintah hukuman penjara sepuluh tahun bagi setiap satu pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua terhadap responden pertama dan responden kedua berjalan serentak. Mengenai isu ini, TPR berhujah bahawa hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan pindaan yang diperintahkan berjalan secara serentak dari tarikh tangkap 1 Oktober 2008 adalah bertentangan dengan prinsip penghukuman yang sedia ada. Menurut TPR, hukuman penjara secara serentak hanya wajar diperintahkan sekiranya kesalahan berlainan itu mempunyai kaitan di antara satu sama lain, iaitu kesalahan kedua merupakan kesalahan subsidiari kepada kesalahan utama. TPR menambah bahawa dalam konteks rayuan ini, ia melibatkan dua orang mangsa yang berbeza dan oleh itu dalam situasi kes ini, hukuman penjara yang berturut-turut adalah lebih wajar dan sesuai.

[21] Sebaliknya, Encik Supramaniam Kasia Pillai, peguam bagi kedua-dua responden telah berhujah bahawa keputusan yang arif pesuruhjaya kehakiman memerintahkan supaya hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan pindaan berjalan secara serentak tidak diganggu oleh mahkamah ini. Menurut peguam, yang arif pesuruhjaya kehakiman telah menimbangkan dengan teliti semua fakta yang berkaitan serta keadaan kes ini dan telah menggunakan prinsip penghukuman yang betul sebelum membuat perintah yang berkenaan.

Keputusan Mahkamah

[22] Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan

supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu.

[23] Dalam hubungan ini, kami berpendapat bahawa hukuman penjara secara serentak hanya wajar dikenakan sekiranya kedua-dua kesalahan itu mempunyai kaitan di antara satu sama lain, iaitu kesalahan kedua merupakan kesalahan subsidiari kepada kesalahan utama. Umpamanya, A telah merompak B. Di dalam rompakan tersebut, A telah turut mengakibatkan kecederaan B. Kesalahan mengakibatkan kecederaan merupakan subsidiari kepada kesalahan utama merompak. Kedua-dua kesalahan turut berlaku dalam satu transaksi yang sama melibatkan mangsa, tempat dan masa yang sama. Dalam keadaan yang sedemikian, maka hukuman penjara secara serentak adalah wajar dikenakan oleh mahkamah melainkan wujud sebab-sebab yang tertentu sebaliknya. Prinsip penghukuman ini dapat dilihat dalam kes *Ooi Sim Yim v. Public Prosecutor* [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ (Rep) 223 di mana tertuduh telah mengaku bersalah di atas tuduhan memiliki senjata api di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (pertuduhan pertama) dan peluru di bawah Akta Senjata 1960 (pertuduhan kedua). Hakim Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa kesalahan-kesalahan ini kerapkali berlaku dan pihak mahkamah sepatutnya memandang serius kesalahan ini. Oleh itu, yang arif hakim yang berkenaan telah menjatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara dan enam kali sebatan bagi pertuduhan pertama, dan tiga tahun penjara bagi pertuduhan kedua. Kedua-dua hukuman itu telah diperintahkan berjalan secara berturut-turut. Apabila kes ini dirayu ke Mahkamah Agong pada ketika itu, mahkamah yang berkenaan telah memutuskan bahawa kedua-dua hukuman penjara itu hendaklah berjalan serentak. Mahkamah Agong, antara lain, memutuskan bahawa apabila suatu pertuduhan itu adalah subsidiari kepada tuduhan yang lain, maka perintah hukuman sepatutnya berjalan secara serentak melainkan wujud sebab-sebab yang tertentu sebaliknya. Mahkamah berpendapat bahawa pertuduhan kedua merupakan pertuduhan subsidiari kepada pertuduhan pertama.

[24] Berbalik kepada kes di hadapan kami, keadaannya adalah berbeza dengan kes *Ooi Sim Yim v. Public Prosecutor* itu. Kedua-dua responden di sini telah didapati bersalah menyebabkan kematian dua orang mangsa yang berbeza di bawah s. 304(a) KK dan ini adalah merupakan dua kesalahan jenayah yang berbeza.

Pada pandangan kami, kedua-dua pertuduhan pindaan di dalam kes ini masing-masingnya merupakan kesalahan utama dan mana-mana satu daripada pertuduhan pindaan tersebut tidak boleh digolongkan atau pun dianggap sebagai kesalahan subsidiari. Dalam keadaan yang sedemikian, hukuman penjara sepuluh tahun dari tarikh tangkap terhadap kedua-dua responden bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua adalah wajar dan sesuai berjalan berturut-turut. Kami mendapati bahawa yang arif pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dari segi undang-undang kerana tidak mempertimbangkan bahawa kesalahan menyebabkan kematian dua orang mangsa yang berbeza di bawah s. 304(a) KK adalah merupakan dua kesalahan jenayah yang berbeza dan mewajarkan kedua-dua hukuman penjara berjalan secara berturut-turut.

[25] Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Shaik Daud H (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 sebagaimana yang berikut:

> ... Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a principal and a subsidiary offence. In all other cases, sentences should be made to run consecutively.
>
> In the present case, the respondent had been convicted of committing two distinct offences of rape on two separate persons and in the light of that, a sentence of 3 years on each charge to be made concurrent is wrong in law.

[26] Kes *Yit Kean Hong v. PP* [2005] 4 CLJ 592 juga menunjukkan prinsip penghukuman bahawa kesalahan yang berlainan mewajarkan hukuman penjara secara berturut-turut. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan mengatakan:

> Similarly, in the present case, the two offences committed by the appellant were very serious indeed each punishable with imprisonment of up to 20 years. Like the case of *Yap Huat Heng*, supra, the present case also involved two distinct offences and two different victims. On the facts, the second charge of attempted murder was not really subsidiary to the first charge of culpable homicide, although the two offences were committed in the course of a single transaction. The victims suffered two different types of injuries and the methods of inflicting them on

the two victims were also different from each other. Even learned counsel for the appellant conceded before us that the facts against the appellant were bad.

[27] Satu lagi kes yang ingin kami rujuk adalah kes *PP v. Teo Heng Chye* [1990] 1 CLJ 194; [1990] 3 CLJ (Rep) 904. Dalam kes ini, responden dituduh bagi dua pertuduhan di bawah s. 302 KK. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah telah meminda kedua-dua pertuduhan kepada s. 304(b) KK dan memanggil responden untuk membela diri bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Di akhir kes pembelaan, mahkamah menyabitkan responden terhadap kedua-dua pertuduhan pindaan tersebut dan menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun terhadap pertuduhan pindaan pertama dan penjara enam tahun terhadap pertuduhan pindaan kedua. Hukuman penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkap dan diperintahkan berjalan secara berturut-turut. Mahkamah menyatakan:

We also considered the totality of the two sentences which is 14 years. In this, we were following the words of the Lord Chief Justice of England in *R v. Faulkner* (1972) 56 Cr App R 592 at p. 596 where he said 'However, at the end of the day, as one always must, one looks at the totality and asks whether it was too much'.

We asked ourselves this question and felt that having regard to all the facts of the case as referred to by us, the totality of 14 years was not 'too much' and in our view, entirely appropriate ...

[28] Kami juga telah bertanyakan soalan yang sama dalam keadaan yang terdapat dalam kes ini dan menimbangkan sama ada jumlah keseluruhan kedua-dua hukuman penjara iaitu 20 tahun itu terlalu lama dan "too much". Dalam hubungan ini kami memberi perhatian yang serius bahawa kedua-dua responden merupakan orang yang waras akal fikirannya tetapi telah menggunakan kekejaman yang keterlaluan dengan menyepak, menumbuk serta memukul kedua-dua si mati. Beberapa peralatan seperti meja kayu, helmet dan botol kaca turut digunakan untuk memukul kedua-dua si mati. Percikan darah kedua-dua si mati di sekitar lantai dan dinding ruang tamu menunjukkan betapa kuatnya kesan pukulan dan hentakan ke atas kedua-dua si mati. Kami mendapati bahawa yang arif pesuruhjaya kehakiman telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keadaaan dan fakta kes ini yang jelas

melibatkan elemen kekejaman dan keganasan yang mewajarkan suatu hukuman yang setimpal. Tuntutan kepentingan awam semestinya memerlukan suatu pertimbangan yang lebih wajar. Keseriusan kesalahan di bawah s. 304(a) KK dapat dilihat apabila kesalahan ini ditingkatkan hukumannya oleh Parlimen dari 20 tahun penjara maksimum ke-30 tahun penjara maksimum, berkuatkuasa pada 6 Mac 2007. Mengambil kira semua faktor ini, kami berpendapat terdapat keadaan-keadaan luar biasa dalam kes ini. Kami berpendapat jumlah keseluruhan kedua-dua hukuman penjara iaitu 20 tahun tidaklah keterlaluan. Walaupun memang benar tempoh keseluruhan pemenjaraan selama 20 tahun adalah panjang, kami berpendapat ianya adalah wajar dan bersesuaian dengan keadaan dan fakta di dalam kes ini.

[29] Berdasarkan kepada semua alasan yang telah kami huraikan sebentar tadi, kami memutuskan dengan sebulat suara bahawa perintah yang arif pesuruhjaya kehakiman supaya hukuman penjara sepuluh tahun setiap satu bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua berjalan serentak terhadap responden pertama dan responden kedua adalah khilaf.

[30] Kami mengenepikan perintah tersebut dan menggantikannya dengan perintah hukuman penjara sepuluh tahun setiap satu bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan terhadap kedua-dua responden yang hendaklah berjalan secara berturut-turut mulai dari tarikh mereka ditangkap.